

01 AUG 2004

Abdullah-muafakat

UJIAN KEDUA BAGI ANGGOTA TENTUKAN UMNO KUKUH, KATA ABDULLAH

KEPALA BATAS, 1 Ogos (Bernama) -- Selepas Umno mengharungi dengan jayanya pilihan raya umum ke-10 pada Mac lepas, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengingatkan anggota parti itu mengenai satu lagi ujian yang mereka perlu hadapi iaitu pemilihan pucuk pimpinan parti September ini.

Perdana Menteri meminta mereka mengekalkan permuafakatan dan kerjasama semasa proses pemilihan itu nanti.

"Menjadi tugas setiap anggota memastikan Umno terus teguh dan kuat agar rakyat yang meletakkan keyakinan kepada perjuangan parti itu tidak kecewa," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kepala Batas di sini. Beliau adalah Ketua Umno Bahagian itu.

Abdullah, yang telahpun memenangi jawatan Presiden Umno tanpa bertanding, berkata beliau ingin melihat pemilihan parti nanti dijalankan dalam keadaan yang baik, bermuafakat dan tidak berlaku sebarang pergaduhan.

"Saya harap kemenangan yang diperolehi pada pilihan raya umum dapat memberi kekuatan kepada parti untuk berjuang memajukan rakyat. Kita tidak mungkin dapat melaksanakan semua itu kalau kita lemah, tidak bermuafakat dan bergaduh pula," katanya.

Abdullah berkata kekuatan Umno ialah kerana ia mempunyai kuasa pemerintahan dan kuasa itu harus dipelihara sebaik mungkin dengan mengekalkan perpaduan di kalangan anggotanya.

"Nikmat kuasa yang dipinjamkan oleh Allah kepada kita perlu digunakan sebaiknya untuk menjalankan pembangunan kepada rakyat dan memajukan negeri dan negara," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Abdullah mengingatkan anggota parti yang mahu mencari sokongan dan undi supaya tidak mencetuskan keadaan yang tidak baik semasa berkempen.

"Itu biasalah (mencari sokongan) tetapi saya harap janganlah semasa

mencari sokongan dan undi tercetus pula kegiatan-kegiatan dan cara kempen yang boleh membawa kepada keadaan tidak baik kepada parti dan jangan sekali-kali menggunakan politik wang untuk mencari undi," kata Abdullah.

Beliau bersyukur kerana bahagian-bahagian Umno telah mengadakan pemilihan mereka dengan baik walaupun terdapat sedikit aduan yang perlu diselesaikan oleh jawatankuasa pengurusan dan disiplin parti.

Abdullah berkata tanggungjawabnya untuk menguruskan kejayaan parti yang diwarisinya daripada Tun Dr Mahathir Mohamad bukanlah mudah kerana beliau perlu bekerja kuat untuk memastikan parti lebih berjaya pada masa akan datang.

-- BERNAMA

ZU SR MAI